

### 1. Tambah peratusan pengeluaran KWSP beli rumah pertama



*MENTERI Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani. - Foto Mohd Yusni Ariffin*

KUALA LUMPUR: Kementerian Kewangan sedang berbincang dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi membolehkan tabung persaraan itu memberi sedikit keanjalan kepada pencarum yang bercadang mengeluarkan caruman mereka untuk membeli kediaman pertama.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata keanjalan yang dimaksudkan itu termasuk membenarkan peratusan tertentu dapat dikeluarkan pencarum bertujuan meningkatkan keupayaan mereka membuat bayaran ansuran bulanan.

"Kami melihat kepada peratusan tertentu yang kita boleh tinjau bagaimana KWSP boleh membenarkan pencarum menggunakan sebahagian daripada caruman untuk meningkatkan keupayaan membayar ansuran.

"Mereka ini berkemampuan mendapatkan pinjaman bank tetapi ada jurang yang tidak dapat di servis bersandarkan (kadar) dengan gaji semasa.

"Sehubungan itu, kita harap dengan sumbangan KWSP, mereka dapat keluarkan wang bagi menampung ketidakcukupan itu," katanya sambil menambah cadangan itu khusus kepada pembeli kediaman pertama dan kediaman itu mestilah dalam kategori mampu milik.

Beliau berkata demikian pada Sesi Perbincangan Meja Bulat anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) di sini, sebentar tadi.

Johari berkata, cadangan itu sama seperti model sedia ada yang membenarkan pencarum mengeluarkan wang untuk dilabur dalam unit amanah.

"Sekiranya, pada peringkat tertentu, mereka mahu menjual kediaman itu, hasil jualan itu harus dimasukkan semula ke dalam akaun KWSP mereka," katanya.



Khamis, 6 Oktober 2016

## 2. Ekonomi Malaysia diunjur capai pertumbuhan 4.5 peratus



*Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed. - Foto Hafiz Sohaimi*

PELABUHAN KLANG: Ekonomi Malaysia diunjurkan mencapai pertumbuhan antara 4.0 hingga 4.5 peratus bagi keseluruhan tahun ini, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Mustapa berkata, walaupun unjuran itu lebih rendah berbanding 5 peratus pada tahun lalu dan 6 peratus pada 2014, prestasi negara berada di landasan kukuh dalam keadaan ekonomi dunia tidak menentu.

"Pertumbuhan ini sudah mengambil kira semua faktor, termasuk faktor luaran ekonomi global yang diramal lemah dan perlahan oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Walaupun pertumbuhan ekonomi diunjurkan lebih rendah, Malaysia diunjurkan masih lagi mampu mencapai pertumbuhan ekonomi yang baik.

"Ia dibantu oleh keyakinan pelabur terhadap kemampuan Malaysia. Jadi, walaupun sedikit terkesan dengan faktor luaran, namun ekonomi negara tetap mampu berkembang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan kerja ke Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dan Pelabuhan Barat, di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud dan Pengurus Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Tan Sri Kong Cho Ha.

Mustapha mengulas ramalan IMF yang mengunjurkan ekonomi Amerika Syarikat akan berkembang sebanyak 1.6 peratus pada tahun ini, turun daripada 2.6 peratus pada tahun lalu, selain turut memberi kesan kepada pertumbuhan global.

Dalam perkembangan lain, Mustapha berkata, MITI berharap kerajaan akan memberi tumpuan terhadap tiga sektor penting dalam bajet 2017, bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Tiga perkara ini merangkumi sektor pelaburan dan perdagangan, perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta pengeksportan. Tiga sektor ini menjadi keutamaan kerana akan merangsang pertumbuhan ekonomi negara pada masa depan.



Khamis, 6 Oktober 2016

### 3. JKR siasat dakwaan penyelewengan projek turap jalan



*MENTERI Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof. - Foto Surianie Mohd Hanif*

KUALA LUMPUR: Kementerian Kerja Raya mengarahkan agensi di bawahnya, Jabatan Kerja Raya (JKR) menjalankan siasatan terperinci penyelewengan kontrak projek menurap jalan kepada pihak ketiga.

Sebelum ini, Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F Malaysia (PERKOBF) mendakwa hampir 80 peratus projek menurap jalan raya di negara ini diserahkan kepada pihak ketiga yang kemudiannya mengaut keuntungan atas angin.

Dakwaan berkenaan turut membabitkan adanya berlaku ketirisan integriti di bahagian pengurusan dan jabatan terbabit dengan mengambil tender kontraktor pada harga di bawah kadar ditetapkan Kementerian Kerja Raya.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata kementerian memandang serius dakwaan berkenaan dan menyeru orang ramai selain PERKOBF yang memiliki bukti berlakunya dakwaan itu tampil mengemukakan bukti kepada beliau.

"Sekiranya membabitkan jalan di bawah seliaan kementerian, iaitu Jalan Persekutuan dan disertakan bukti kukuh, tindakan tegas akan diambil.

"Saya memberi jaminan tindakan tegas akan diambil jika dakwaan berkenaan terbukti sahih," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Dua kategori jalan di Malaysia membabitkan Jalan Persekutuan yang diuruskan kementerian dan Jalan Negeri yang diuruskan kerajaan negeri.

Jalan Persekutuan dibahagikan kepada tujuh kategori iaitu Jalan Persekutuan Utama, Jalan Persekutuan FELDA, jalan masuk ke Institusi Persekutuan, jalan masuk ke kawasan perindustrian, jalan masuk ke Lembaga Kemajuan Wilayah (contoh jalan ke KESEDAR, KETENGAH), Jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan di Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) dan Lebuhraya Bertol.

Sementara itu, Jalan Negeri terbahagi kepada tujuh kategori iaitu Jalanraya Negeri, Jalanraya Bandaran, Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah, Lorong Belakang, Jalan Pertanian, Jalan Kampung dan Jalan Pulau Pelancongan.

Fadhillah berkata, penyenggaraan jalan oleh kementerian hanyalah terhad kepada Jalan Persekutuan sahaja.

Beliau berkata, skop kerja penyenggaraan dilaksanakan syarikat konsesi terbahagi kepada tiga skop, iaitu kerja penyenggaraan rutin, kerja penyenggaraan berkala dan kerja kecemasan.

"Pengurusan tertinggi syarikat konsesi turut diarah memastikan pemantauan secara berkala dilakukan dan Unit keselamatan Jalan, Cawangan Jalan, JKR tidak berkompromi kualiti turapan jalan supaya menepati prosedur standard (SOP) dalam audit yang dijalankan," katanya.

Mengulas saranan PERKOBF supaya kontraktor dan semua pemantau projek mengikuti kursus khas penyelenggaraan jalan raya bagi memastikan mereka memiliki sijil sebaik melepas ujian disediakan,

Fadhillah berkata kementerian menyambut baik saranan berkenaan dan mengarahkan JKR dan CIDB melaksanakan kursus dicadangkan itu.

Di samping itu, Fadhillah memohon kerjasama orang ramai dan RakanKKR supaya menyalurkan apa sahaja maklumat untuk memastikan jalan raya kita berada dalam keadaan baik untuk keselesaan dan keselamatan pengguna selain, kerjasama syarikat pengangkutan melalui persatuan memastikan tidak ada kenderaan melebihi muatan berada di jalan raya, yang boleh menyebabkan kerosakan jalan.

"Setakat 31 Ogos 2016, 100 peratus daripada 3629 aduan diterima KKR dan agensi berjaya diselesaikan," katanya.



Sabtu, 8 Oktober 2016

#### 4. Shafie Apdal sedia bantu siasatan SPRM



*DATUK Seri Mohd Shafie Apdal.*

KOTA KINABALU: Bekas Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, sedia memberi kerjasama jika diperlukan dalam siasatan kes penyelewengan membabitkan pengarah dan timbalan pengarah sebuah jabatan kerajaan di Sabah.

Mohd Shafie yang juga Ahli Parlimen Semporna berkata, dia sedia memberi apa-apa saja bantuan diperlukan bagi membantu siasatan kes berkenaan.

"Bagaimanapun, saya tidak mahu membuat sebarang kenyataan lagi mengenai kes ini agar ia tidak dilihat sebagai mengganggu siasatan yang sedang berjalan ketika ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai kenyataan Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pembangunan Infrastruktur negeri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, kelmarin bahawa projek berkenaan disalurkan menerusi KKLW dan bukan oleh kementeriannya.

Pairin berkata, peruntukan itu disalurkan terus kepada jabatan yang diterajui oleh kedua-dua suspek terbabit selaku agensi pelaksana tanpa pengetahuan kementerian negeri.

Mohd Shafie berkata, adalah agak membingungkan apabila pihak berkuasa negeri berada dalam keadaan tergesa-gesa untuk mengaku mereka tidak bersalah kepada umum dan mengalihkan kesalahan itu kepada KKLW ketika siasatan oleh SPRM masih berjalan.

"Dengan membuat kenyataan seperti itu kepada umum menunjukkan pihak berkuasa negeri seolah-olah tidak menghormati dan yakin terhadap proses siasatan oleh SPRM," katanya.



Isnin, 10 Oktober 2016

##### 5. Musa minta semua pihak henti sebar spekulasi siasatan SPRM



*DATUK Seri Musa Aman. - Foto Edmund Samunting*

KOTA KINABALU: Kerajaan negeri menasihatkan semua pihak supaya berhenti menyebarkan spekulasi berhubung isu penyalahgunaan kuasa membabitkan pengarah dan timbalan pengarah sebuah jabatan negeri yang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata isu itu tidak seharusnya dibincangkan secara terbuka di media kerana ia boleh menjasaskan siasatan agensi berkenaan.

"Ini adalah siasatan yang penting, jadi biarkan SPRM menjalankan tugas mereka. Berhenti membuat kenyataan yang tiada kesudahan dan mengeluarkan pendapat berhubung perkara ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, sebentar tadi.

Musa berkata, semua pihak yang berkaitan perlu memberi kerjasama penuh supaya siasatan SPRM dapat dikendalikan dengan lancar.

"Tumpuan kita adalah untuk memperbaiki kaedah perolehan dan keseluruhan sistem penyampaian," katanya.



Isnin, 10 Oktober 2016

#### 6. Peraturan longgar buka ruang pegawai kerajaan rasuah

GAJI bulanan seorang daripada mereka hanya kira-kira RM15,000 dan seorang lagi RM8,000. Tetapi dalam akaun bank mereka dan keluarga, ada RM23 juta, manakala dalam 38 akaun bank syarikat keluarga dan saudara mara mereka pula ada RM37 juta.

Selain itu, RM3.2 juta wang tunai ditemui dalam peti keselamatan. Ada juga 127 geran tanah bernilai RM47 juta. Ada pula 94 beg berjenama seperti Hermes dan Burberry bernilai RM500,000 ditemui. Sembilan kereta mewah termasuk Mercedes Benz, BMW dan Range Rover pun ada.

Ada pula 28 kad debit untuk digunakan ketika melancang milik mereka ditemui. Lebih mengejutkan, RM45 juta wang tunai ditemui di rumah dan pejabat seorang daripada mereka, selain barang kemas seberat 14 kilogram bernilai RM2.74 juta. Wang tunai bernilai RM7.5 juta juga ditemui di rumah dan pejabat seorang lagi pegawai, selain barang kemas seberat 4.8 kilogram bernilai RM900,000.

Inilah kisah dua pegawai Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), yang dibongkar oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) minggu ini.

Ia membabitkan projek perbekalan air bernilai RM3.3 bilion yang berlaku sejak 2010 tetapi hanya dikesan pada tahun ini. Lebih menarik, ia dikaitkan pula dengan politik, lantaran ramai membuat pelbagai andaian mengenai pembabitinan tokoh daripada parti tertentu.

Penjelasan oleh SPRM kelmarin bahawa hanya dua pegawai berkenaan, abang seorang daripada mereka dan seorang akauntan sahaja yang ditahan mungkin melegakan parti dan tokoh politik yang dikaitkan.

Namun, persoalan yang patut kita tanya adalah di mana silapnya sehingga pegawai kanan kerajaan ini begitu mudah menyalahgunakan kuasa untuk mengaut kekayaan dan hidup mewah? Selain mempertikai integriti mereka, mungkin ada sebab lain yang membuka ruang kepada mereka untuk melakukan penyelewengan.

Bagaimana pegawai Gred 52 diberikan begitu banyak kuasa? Salah satu usaha yang diambil ialah memendekkan tempoh khidmat pegawai setakat tiga tahun sahaja di sesuatu tempat atau jawatan. Namun, ia belum dilaksana secara menyeluruh kerana masih ada yang memegang jawatan lebih daripada tiga tahun.

Apa lagi yang boleh diubah? Mungkin peraturan sedia ada ini terlalu longgar dan pegawai yang rendah tahap integriti akan mencari jalan memanipulasi peraturan untuk mencipta kekayaan.

Peraturan yang membenarkan menteri menurunkan kuasa kepada pegawai kerajaan menandatangani kontrak bagi pihak kerajaan mungkin perlu dikaji. Contohnya, Akta Kontrak 1949 membenarkan menteri menurunkan kuasa kepada pegawai seperti Ketua Setiausaha, Timbalannya, Setiausaha Bahagian, Ketua Pengarah dan Pengarah.

**7. Ketua Audit, SPRM sertai projek RM500j ke atas - KSN**

**KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa. - Foto BERNAMA**

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak setuju supaya semua projek kerajaan dengan kos RM500 juta dan ke atas mendapat penyertaan Ketua Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mengelakkan ketirisan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata Ketua Audit Negara dan SPRM juga bersedia untuk terbabit dalam projek berkenaan, seperti yang dilaksanakan dalam beberapa projek mega kerajaan sebelum ini.

"Kita teruskan sahaja seperti yang sudah dibincangkan daripada projek mega (sebelum ini), sekarang bagi projek RM500 juta.

"Dulu memang sudah ada. Kita mahu kuatkuasakan ketika ini dengan mengadakan pasukan petugas (bagi setiap projek terbabit)," katanya selepas menghadiri Persidangan Tahunan Agama "Menyemai Kasih di Dunia, Menuai Cinta di Syurga' anjuran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) di sini, hari ini.

Minggu lalu, Ali membangkitkan cadangan supaya projek kerajaan dengan kos RM500 juta dan ke atas memerlukan penyertaan Ketua Audit Negara serta SPRM bagi membanteras rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, waktu bekerja sektor awam kekal lapan jam selepas kajian menyeluruh dilakukan terhadap cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya tempoh itu dikurangkan kepada enam jam sebelum ini.

**8. PUNB salur RM250j kepada 400 usahawan tahun ini**

*Pengerusi PUNB, Tan Sri Mohd Ali Rustam (dua dari kanan) diiringi Pengarah PUNB, Datuk Jamelah A Bakar (tiga dari kiri) meninjau perniagaan di Kompleks Haji Ismail Group di Kuah, Langkawi. - Foto Hamzah Osman*

LANGKAWI: Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) menyalurkan pinjaman sebanyak RM250 juta kepada 400 usahawan Bumiputera bagi mengembangkan perniagaan dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini.

Pengerusi, Tan Sri Mohd Ali Rustam, berkata nilai pinjaman itu dijangka bertambah menjelang akhir tahun ini dengan sasaran membabitkan 500 usahawan dalam pelbagai sektor seperti peruncitan, automotif dan tekstil.

"Saya yakin PUNB dapat mencapai sasaran itu, malah dalam keadaan ekonomi sekarang para usahawan digalakkan merebut peluang perniagaan menerusi sektor pelancongan.

"Kita juga dapati perkembangan ekonomi global yang perlanaan tahun ini tidak memberikan kesan kepada keupayaan usahawan yang dibantu PUNB membayar balik pinjaman mereka," katanya selepas lawatan ke beberapa projek usahawan yang dibantu perbadanan itu di sini, pada Khamis.

Yang turut hadir, Pengarah PUNB, Datuk Jamelah A Bakar.

Mohd Ali berkata, PUNB juga bersedia membantu lebih ramai lagi usahawan, khususnya di pulau bebas cukai Langkawi untuk menceburi bidang pelancongan mewah yang cuba dipromosi kerajaan ketika ini.

### 9. Pengarah, timbalannya digantung tugas berikutan siasatan SPRM

KOTA KINABALU: Pengarah dan timbalan pengarah sebuah jabatan kerajaan di Sabah yang dibebaskan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes salah guna kuasa agihan projek bernilai RM3.3 bilion digantung tugas sejak ditahan agensi itu awal bulan ini.

Penggantungan kedua-dua pegawai terbabit diumumkan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Tan Sri Sukarti Wakiman dalam satu kenyataan, di sini, sebentar tadi.

Beliau berkata, notis penggantungan kedua-dua suspek itu dikeluarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (SPAN) berkuatkuasa pada tarikh mereka ditahan iaitu pada 4 Oktober lalu.

Katanya, menerusi tindakan itu, kedua-dua suspek dilarang memasuki pejabat di mana mereka bertugas sebelum ini atau mana-mana pejabat di jabatan sama di seluruh negeri.

"Suspek juga dihalang keluar dari Sabah sepanjang tempoh siasatan," katanya.

Pengarah terbabit dibebaskan dengan jaminan RM500,000 tanpa deposit dan dua penjamin tempatan selepas tempoh remannya berakhir semalam, manakala timbalan pengarah dibebaskan hari ini dengan jaminan yang sama.

Dua lagi suspek iaitu ahli perniagaan bergelar Datuk yang juga abang timbalan pengarah turut dibebaskan hari ini dengan jaminan RM500,000 tanpa deposit dan dua penjamin tempatan, manakala suspek keempat iaitu akauntan dikenakan jaminan RM50,000 tanpa deposit dengan dua penjamin.

Pagi tadi tiga suspek terbabit dibebaskan pada jam 10 pagi di hadapan Majistret Stephanie Sherron Abbie di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, manakala suspek pertama iaitu pengarah dibebaskan di hadapan majistret sama di lokap berpusat, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah, jam 1 tengah hari, semalam.

**10. Bajet 2017: KBS mohon RM500 juta**

*KHAIRY Jamaluddin melancarkan pelepasan peringkat pertama Jelajah Malaysia 2016 di Dataran Merdeka, hari ini. - Foto BERNAMA*

KUALA LUMPUR: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memohon peruntukan lebih daripada RM500 juta menjelang pembentangan Bajet 2017 pada Jumaat ini bagi persediaan atlet dan penganjuran Sukan SEA dan Sukan Para Asean tahun depan, yang menyaksikan negara sebagai tuan rumah.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata jumlah permohonan itu belum termasuk untuk Program Podium, yang memerlukan lebih kurang RM70 juta dan program lain yang mempunyai peruntukan sendiri seperti Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP).

Khairy berkata, beliau sudah membentangkan keperluan kementerian terutama sekali membabitkan perbelanjaan mengenai penganjuran temasya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, selaku Menteri Kewangan pada minggu lalu.

"Nampak gayanya Perdana Menteri positif (terhadap pembentangan itu) dan dalam ucapan semasa penyampaian insentif Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) juga belia menyebut peruntukan akan ditambah berdasarkan prestasi atlet negara di Olimpik dan Paralimpik Rio," katanya.

Khairy berkata demikian selepas melancarkan pelepasan peringkat pertama Jelajah Malaysia 2016 di Dataran Merdeka, hari ini.

Sebagai rekod, KBS menerima peruntukan sebanyak RM242 juta bagi memperkasakan sukan negara pada Bajet 2016 dengan RM75 juta digunakan untuk Program Podium.

Khairy juga berkata, Program Podium dan program lain seperti Junior Cycling Malaysia (JCM) serta NFDP tidak boleh dihentikan biarpun ada Sukan SEA tahun depan.

"Saya harap apa yang kita minta dapat dan mungkin ada yang terpaksa kita tangguhkan dulu disebabkan perbelanjaan Sukan SEA menelan perbelanjaan cukup besar. Saya sudah duduk berbincang dengan pegawai KBS dan kita sudah susun keutamaan," katanya.



Selasa, 18 Oktober 2016

#### **11. Penganggur beri rasuah dipenjara sehari, denda RM10,000**

JOHOR BAHRU: Seorang penganggur berusia 61 tahun mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, atas tuduhan memberi rasuah sebanyak RM450 kepada anggota polis, pada 5 September lalu.

Tertuduh, Ng Keng Sa, mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Fauzi Mohd Nasir.

Keng Sa didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 9.45 pagi di Pejabat Bahagian Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Pahat kepada Sarjan Ismail Laile Awang.

Kesalahan itu dilakukan sebagai dorongan untuk tidak menangkap tertuduh, yang memiliki dadah dan tidak menjalani ujian saringan air kencing.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan denda hingga lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Keng Sa ketika membela diri, meminta mahkamah mengurangkan hukuman berikutan usianya yang sudah lanjut.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara sehari, denda RM10,000 dan memerintahkan tempoh enam bulan penjara terhadap tertuduh jika gagal membayar denda.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Johor, Ridzuan Malik, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

**12. Bekas timbalan pengarah dibebaskan dengan jaminan SPRM**

KOTA KINABALU: Seorang lagi suspek kes salah guna kuasa bernilai RM3.3 bilion, iaitu bekas timbalan pengarah sebuah jabatan kerajaan di Sabah dibebaskan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), hari ini. Suspek kelima berumur 62 tahun itu bersara pada tahun lalu dan dilantik sebagai Penasihat Teknikal dan Kejuruteraan di sebuah kementerian di Sabah.

Bekas timbalan pengarah itu dibebaskan di hadapan Majistret Stephanie Sherron Abbie dengan dikenakan jaminan RM500,000 tanpa deposit serta dua orang penjamin tempatan. Suspek adalah antara lima yang ditahan sebelum ini bagi membantu siasatan kes berkenaan. Sebelum empat suspek termasuk pengarah dan timbalannya di jabatan sama dibebaskan dengan jaminan SPRM, namun siasatan lanjut masih dijalankan berikutkan ramai lagi saksi akan dipanggil. Kelmarin, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Tan Sri Sukarti Wakiman, mengesahkan pengarah dan timbalan pengarah terbabit digantung tugas sejak ditahan agensi itu awal bulan ini.

**13. Sikap tamak dorong belia terima rasuah - SPRM**

*TIMBALAN Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil beramah mesra dengan orang ramai ketika hadir pada majlis jalinan kerjasama antara SPRM dan Astro Oasis menerusi program Pencetus Ummah (PU) musim keempat, di SPRM Putrajaya, hari ini. - Foto Mohd Fadli Hamzah*

PUTRAJAYA: Sifat tamak dan kecenderungan berbelanja melebihi kemampuan membuatkan individu berusia bawah 40 tahun lebih terpengaruh untuk menerima rasuah bagi menampung gaya hidup mereka.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil, berkata kesimpulan itu dibuat berdasarkan tangkapan yang dilakukan agensi terbabit sejak 2013.

Jelas beliau, kebanyakan kes siasatan SPRM mendapati individu yang menerima rasuah itu mempunyai jawatan atau kerja yang stabil, namun sifat tamak mengatasi segalanya.

"Dia (individu terima rasuah) ada duit, tetapi sentiasa berasa tidak cukup, malah masih tamak selepas mempunyai kemewahan di luar batasan.

"Pakai kereta mewah, telefon bimbit terkini, jauh melebihi kemampuan seorang penjawat awam.

"Atas sebab itu, kita bekerjasama dengan semua kementerian dan agensi, umpamanya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta institusi yang membabitkan belia supaya dapat menyampaikan mesej mengenai intergriti dan rasuah.

"Kita bimbang perkara ini berterusan kerana belia adalah pewaris negara pada masa akan datang. Sebelum ia menjadi parah, kita adakan program bersama mereka bermula dari sekolah rendah, sekolah menengah, intitusi pengajian tinggi (IPT) selain kementerian dan pertubuhan badan bukan kerjaan (NGO)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis jalinan kerjasama antara SPRM dan Astro Oasis menerusi program Pencetus Ummah (PU) musim keempat, di SPRM, di sini, hari ini.

Beliau berkata, menerusi kerjasama itu, Astro bersetuju menyediakan satu slot selama tiga minit dalam setiap episod untuk mengadakan sesi soal jawab dan membicarakan isu berkaitan rasuah.

Shamshun berkata, SPRM kini sedang menjalankan 'kerja pembersihan' perkhidmatan awam daripada amalan rasuah.

"Dalam tempoh tiga tahun ini (2016-2018), kita akan mewujudkan budaya menolak rasuah dan katakan tidak pada rasuah. Operasi ini akan memberi tumpuan pada agensi penguatkuasaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.



Jumaat, 21 Oktober 2016

#### 14. Bersatu bina ekonomi berdaya saing - PM

KUALA LUMPUR: Segenap rakyat perlu terus bersatu dan bekerja sebagai sebuah negara untuk memastikan ekonomi Malaysia bagi 2017 kekal di landasan pertumbuhan, memandangkan tempoh itu dijangka menjadi satu lagi tahun penuh cabaran sejajar ketidaktentuan prospek pertumbuhan dan perdagangan dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, sebagai sebuah negara terbuka, Malaysia perlu bersedia menghadapi risiko luaran yang boleh menggugat pertumbuhan ekonominya dan kerajaan akan terus melaksanakan pendekatan proaktif dalam menangani cabaran mendatang.

"Harga minyak mentah rendah berpanjangan serta ketidaktentuan dalam pasaran kewangan boleh menjelaskan prospek ekonomi negara pesat membangun dan pengeksport minyak," katanya dalam Prakata Laporan Ekonomi 2016/2017 yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Laporan itu dikeluarkan Kementerian Kewangan sempena pembentangan Bajet 2017 oleh Perdana Menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Najib berkata, negara akan terus mengambil langkah proaktif, bekerja sebagai satu pasukan dan memberi penekanan kepada teknologi digital, inovasi dan kreativiti.

Kelebihan tersebut membolehkan negara terus mengukuh ekonomi dan berhadapan dengan ketidaktentuan luaran, katanya.

"Saya yakin, dengan bersatu, cekal dan berpandangan jauh, kita berupaya membina ekonomi yang berdaya saing dan berdaya tahan. Kita akan mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 sekali gus membawa kemakmuran dan kesejahteraan untuk rakyat dan negara," katanya.

Beliau berkata kegiatan ekonomi berkembang 4.1 peratus dalam tempoh separuh pertama 2016, didorong oleh kecergasan aktiviti domestik, terutamanya pelaburan dan penggunaan swasta.

"Kerajaan yakin, bagi tahun 2016, unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara empat peratus dan 4.5 peratus dapat dicapai," katanya.

Najib, yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan terus melaksanakan program dan projek mesra rakyat.

Pelbagai usaha bersepadu terus dipergiatkan untuk menangani kos sara hidup, serta menyediakan rumah mampu milik, perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti, katanya.

Beliau berkata dari sudut kewangan awam, melalui pelaksanaan pelbagai langkah pengukuhan fiskal, kerajaan telah berjaya mengurangkan paras defisit berbanding KDNK daripada 6.7 peratus pada 2009 kepada 3.2 peratus pada 2015 dan dijangka berkurang lagi kepada 3.1 peratus pada 2016.

"Malahan, kerajaan beriltizam mencapai bajet hampir berimbang menjelang 2020," kata Najib.

Menyentuh aspek perdagangan, beliau berkata penglibatan negara dalam perjanjian perdagangan seperti Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik; Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau; dan Perjanjian Perkongsian Malaysia-Malaysia-Negara Persatuan Perdagangan Bebas Eropah akan membolehkan perniagaan Malaysia mengembangkan operasi bagi memenuhi peningkatan permintaan daripada akses pasaran lebih meluas.

"Penglibatan Malaysia dalam perjanjian perdagangan dua hala dan pelbagai hala merupakan langkah strategik negara untuk meraih manfaat daripada gelombang globalisasi yang ketiga dengan nilai perdagangan antarabangsa dijangka mencapai empat kali lebih tinggi pada 2050," kata beliau.

Pada 2016, jumlah perdagangan luar Malaysia dijangka mencecah RM1.5 trilion, katanya.



Selasa, 25 Oktober 2016

#### 15. Malaysia dikategori negara keberhutangan sederhana - PM



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak

menjawab soalan ketika sidang Dewan Rakyat di bangunan Parlimen. - Foto Asyraf Hamzah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan masih terkawal dan negara dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

Perdana Menteri berkata, sehingga akhir Jun lalu, jumlah hutang negara adalah RM655.7 bilion atau 53 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, daripada jumlah itu, 95.9 peratus atau RM626.8 bilion adalah hutang domestik, manakala 4.1 peratus atau 26.9 bilion adalah pinjaman pesisir.

"Kedudukan hutang Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana. Hutang yang dibuat kerajaan bertujuan membiayai defisit berikutan kekurangan hasil bagi menampung perbelanjaan pembangunan kerajaan.

"Pinjaman yang dibuat itu digunakan untuk pembiayaan yang produktif dan menyokong pertumbuhan ekonomi serta manfaat rakyat seperti pembinaan sekolah, hospital, jalan raya dan empangan.

"Secara tidak langsung, ia akan memberi manfaat kepada sektor swasta melaksanakan pelbagai program dan aktiviti ekonomi," katanya.

Perdana Menteri menjawab pertanyaan Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Haru Narrashid (BN-Kota Tinggi) ketika sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, sebentar tadi.

Noor Ehsanuddin bertanya berapakah jumlah hutang negara dan jumlah jaminan kerajaan serta apakah tujuannya berdasarkan Bajet 2017.



Isnin, 24 Oktober 2016

#### 16. Rizab antarabangsa Malaysia kekal kukuh

KUALA LUMPUR: Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) kekal dalam aliran meningkat sejak beberapa bulan lalu dengan jumlah kini melebihi RM400 bilion, sekali gus mencerminkan pengukuhan aliran masuk perdagangan dan pelaburan ke negara ini.

Setakat 14 Oktober lalu, rizab antarabangsa BNM berjumlah RM405.6 bilion (bersamaan AS\$97.8 bilion), lebih tinggi berbanding RM405.0 bilion (AS\$97.7 bilion) yang dicatatkan pada 30 September lalu.

Paras rizab itu memadai untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Afzanizam Abdul Rashid, berkata imbalan dagangan serta aliran modal bersih berperanan dalam menyumbang kepada peningkatan jumlah rizab itu.

Seperti sedia maklum, katanya, negara sentiasa mencatatkan lebihan imbalan hasil daripada jumlah eksport melebihi import, malah ia turut disokong aliran bersih pelaburan langsung asing (FDI) dan portfolio.

Beliau berkata, apa yang penting, nilai rizab antarabangsa secara relatif kepada import tertunggak dan hutang luar jangka pendek secara berterusan melebihi piawaian antarabangsa yang mana ia penting untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing serta agensi penarafan antarabangsa.

"Buat masa ini, kedua-dua nisbah ini melebihi piawaian antarabangsa iaitu tiga bulan bagi import tertunggak dan satu kali bagi hutang luar jangka pendek.

"Ini bermakna Bank Negara mempunyai sumber mencukupi untuk menstabilkan tukaran asing sekiranya mereka memilih untuk campur tangan," katanya ketika dihubungi BH.

Sementara itu, Affin Hwang Investment Bank Bhd mengunjurkan rizab antarabangsa BNM akan meningkat sedikit dengan mencecah paras AS\$98 bilion menjelang akhir tahun ini berbanding AS\$95.3 bilion pada akhir tahun lalu.

Bank pelaburan itu percaya paras rizab antarabangsa dijangka berlegar sekitar AS\$97-AS\$98 bilion dalam beberapa bulan mendatang, dengan pergerakan turun naik tidak menentu tukaran asing pada separuh kedua tahun ini.

"Pertumbuhan eksport Ogos yang lebih baik daripada dijangkakan adalah sejajar dengan kestabilan ekonomi global, mengesahkan penguncupan mendadak yang dicatatkan pada Julai adalah disebabkan

faktor musim. Justeru, kami percaya lebihan perdagangan bulanan akan menyokong paras rizab," katanya.

## INFO

- \* Rizab antarabangsa Bank Negara merangkumi rizab mata wang asing, kedudukan rizab IMF, peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR), emas dan lain-lain aset rizab
- \* Dalam tempoh Januari hingga 14 Oktober 2016, rizab antarabangsa dalam ringgit berlebar antara RM381.6 bilion dan RM412.3 bilion



Rabu, 26 Oktober 2016

### 17. Imej Jabatan Imigresen boleh dipulihkan - KPISM



KUALA LUMPUR: Kesatuan Perkhidmatan Imigresen Semenanjung Malaysia (KPISM) yakin pelaksanaan tiga strategi bagi membendung rasuah dalam kalangan pegawai, dapat mengembalikan imej Jabatan Imigresen yang sebelum ini tercalar dengan isu integriti serta persepsi negatif masyarakat.

Presiden KPISM, Ajeet Singh, berkata tiga strategi merangkumi tindakan dalaman, pencegahan dan pendidikan berterusan mengenai integriti dalam penguatkuasaan itu perlu diambil bagi memastikan ruang dan peluang perlakuan rasuah ditutup sepenuhnya.

"KPISM komited membantu Jabatan Imigresen dan kepemimpinan tertinggi membanteras salah laku serta aktiviti tidak berintegriti.

"Bagaimanapun, pegawai yang ditahan atas dakwaan mensabotaj sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Imigresen disaran didakwa menggunakan peruntukan akta sedia ada dan bukannya Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan Akta Pencegahan Jenayah (POCA).

"Pegawai ini perlu diberi hak dibicara dan dihukum oleh mahkamah. KPSIM tidak akan berkompromi dan melindungi mereka daripada hukuman selayaknya.

"KPISM sentiasa bekerjasama dengan semua pihak dalam menjaga dan memastikan pegawai imigresen berintegriti serta menjalankan tugas dengan penuh amanah demi nama baik Jabatan Imigresen," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Ajeet berkata, pemantapan integriti pegawai menerusi pendidikan adalah tindakan tepat, di samping penyediaan operasi prosedur standard (SOP) mengikut arus perubahan zaman.

Katanya, peningkatan taraf hidup masa kini turut menyumbang kepada kecenderungan salah laku segelintir pegawai.

Tiga strategi berkenaan dinyatakan Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali, dalam satu kenyataan media, semalam.

**18. Ekonomi Malaysia berdaya tahan, dirangsang ETP, GTP**

*Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed. - Foto Surianie Mohd Hanif*

KUALA LUMPUR: Ekonomi Malaysia menunjukkan daya tahan terhadap ketidaktentuan ekonomi dunia, dengan disokong pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi yang berjaya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata kedua-dua program itu mengubah negara daripada dipacu input, gaji rendah dan kurang kemahiran kepada ekonomi berdasarkan inovasi, teknologi dan kemahiran nilai tambah.

"Inovasi dan peningkatan produktiviti akan mengorak laluan untuk Malaysia mencapai matlamat menjadi negara maju menjelang 2020," katanya berucap pada majlis makan malam tahunan Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) 2016 di sini, malam ini.

Beliau berkata, Malaysia perlu melaksanakan beberapa perubahan asas menyeluruh untuk melonjakkan pertumbuhan produktiviti bagi mencapai pertumbuhan tahunan 3.7 peratus mengikut sasaran Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Sejumlah usaha strategik yang menumpukan produktiviti dan inovasi di peringkat nasional dan negeri dilaksanakan oleh kerajaan mengikut rancangan itu, katanya.

Mengenai agenda pembangunan modal insan negara, Mustapa berkata, kementerian itu dan MEF akan menumpukan usaha di samping perkongsian dengan kementerian berkaitan, industri serta institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Kapasiti TVET akan dipertingkatkan dengan peruntukan RM4.6 bilion di bawah Bajet 2017 untuk menaik taraf kemudahan dan peralatan pendidikan.

"Bajet 2017 turut menyediakan RM360 juta untuk latihan kepada lepasan sekolah dan belia bekerja di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, sekali gus akan meningkatkan kebolehpasaran mereka," katanya.

Beliau berkata, langkah pengurangan cukai berganda untuk syarikat swasta yang menawarkan program latihan industri berstruktur kepada graduan atau pelatih TVET juga akan meningkatkan penyertaan industri dan jumlah bakat tempatan berkemahiran.



Khamis, 27 Oktober 2016



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Azman Mohd

#### 19. TNB untung RM7.32b dipacu permintaan tinggi elektrik

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Bhd (TNB) mencatatkan prestasi cemerlang bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016 dengan keuntungan selepas cukai RM7.32 bilion, peningkatan ketara berbanding RM6.06 bilion pada tahun kewangan sebelumnya.

Peningkatan berkenaan dipacu terutama menerusi pertumbuhan permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia sebanyak empat peratus berikutan cuaca panas sepanjang tempoh suku ketiga tahun kewangan dikaji. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Ir Azman Mohd, berkata prestasi tahun ini banyak dipengaruhi oleh momentum positif permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia.

"Bagaimanapun, menjelang akhir tahun ini kami melihat corak penggunaan kembali normal mengikut keadaan cuaca yang sentiasa berubah. "Namun, kami menjangkakan permintaan elektrik akan terus meningkat seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara," katanya menerusi kenyataan di Kuala Lumpur, hari ini.

Pada tahun ini, terdapat enam projek penjanaan yang dijalankan serta menyumbang kepada pelaburan modal lebih tinggi sebanyak RM11.39 bilion, berbanding RM10.77 bilion yang dilaburkan tahun lalu.

Daripada enam projek itu, kumpulan berjaya menyiapkan empat projek dengan jumlah kapasiti 1,892MW.



Sabtu, 29 Oktober 2016

#### 20. PNB teliti mekanisme jumlah pelaburan dalam PKS



Pengerusi PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar.

LABUAN: Permodalan Nasional Bhd (PNB) kini mengkaji semula peruntukan aset dan meneliti mekanisme untuk jumlah pelaburan dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Pengerusi PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata PNB menyokong lebih banyak pelaburan dalam syarikat berkenaan.

"Kami mengalu-alukan langkah untuk meningkatkan pelaburan dengan dana RM3 bilion yang diperuntukkan oleh syarikat pelaburan berkaitan kerajaan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2017," katanya selepas Siri Ceramah Kewangan Antarabangsa Labuan 2016 di sini, pada Jumaat.

Beliau berkata, Skim Penyelidikan 'Small-and Mid-Cap PLC' yang akan diperkenalkan untuk menjalankan penyelidikan ke atas 300 syarikat akan membantu meningkatkan mudah tunai mereka.

"Ini akan membolehkan syarikat pelaburan melabur lebih banyak ke dalam PKS," katanya.

Abdul Wahid berkata, kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah berhemat untuk menyokong perniagaan dan PKS melalui komitmen berterusan dalam penyatuan fiskal.

"Ini untuk memastikan penarafan kredit tidak terjejas kerana potensi penurunan sentiasa ada dan jika itu berlaku kos pinjaman akan naik," katanya.



Ahad, 30 Oktober 2016

#### **21. Terpulang kepada Peguam Negara ambil tindakan 3 bekas menteri**

KUALA LUMPUR: Terpulang kepada Peguam Negara untuk mengambil tindakan ke atas tiga bekas menteri yang didakwa mendedahkan rahsia kerajaan.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa, berkata tiada siapa yang terkecuali atau terlepas dari undang-undang apabila didakwa mendedahkan rahsia kerajaan kepada umum.

Beliau berkata, saranan ini bukan dibuat atas kepentingan peribadi sebaliknya jika dakwaan itu patut disiasat dan tindakan itu harus diteruskan.

"Saya langsung tidak berdendam terhadap mereka bertiga. Mempertahankan ketua iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak adalah tanggungjawab saya dan ianya normal.

"Oleh itu, saya mengambil langkah untuk berhadapan dengan tohmahan tiga menteri itu secara fakta dan bukannya dengan fitnah yang sekali gus membunuh karakter seseorang," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pemimpin Bersama Akar Umbi, di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai, Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.



Isnin, 31 Oktober 2016

## 22. Iskandar Malaysia raih pelaburan baharu RM10.85b pada suku ketiga



JOHOR BAHRU: Iskandar Malaysia meraih pelaburan baharu sebanyak RM10.85 bilion pada suku ketiga tahun ini.

Ini membawa jumlah pelaburan komited kumulatif yang diraih kepada RM218.84 bilion dari 2006 hingga 30 Sept.

Daripada pelaburan itu, RM113.36 bilion atau 52 peratus mewakili apa yang direalisasikan sebagai projek asas.

Dalam kenyataan di sini hari ini, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA), Datuk Ismail Ibrahim, berkata dari Januari hingga 30 Sept, Iskandar Malaysia mencapai kemajuan dalam meraih pelaburan baharu.

"Kami tidak jauh daripada sasaran tahunan kami sebanyak RM25 bilion pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata, Iskandar Malaysia terus mencatat prestasi baik di sebalik cabaran yang dihadapi ekonomi global dan susulan daya tahan wilayah ekonomi itu dan pengukuhan dalam sembilan sektor yang dipromosikan.

"Pelaburan domestik sebanyak RM132.13 bilion atau 60 peratus daripada jumlah pelaburan komited kumulatif setakat ini.

"Ini menunjukkan keyakinan terhadap Iskandar Malaysia, terutama dalam kalangan pelabur tempatan, berikutan kami terus membangunkan wilayah ekonomi itu kepada metropolis yang kukuh dan mampan di peringkat antarabangsa," kata Ismail.

Daripada pelaburan itu, 40 peratus (RM86.71 bilion) daripada pelabur asing, dengan lima negara utama iaitu China, Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan Sepanyol.

Memasuki tahun ke-10 pembangunan, Ismail berkata, Iskandar Malaysia berada pada landasan untuk merealisasikan matlamat jangka panjangnya dan yakin ia akan terus menarik aliran masuk pelaburan yang stabil. -